

la disyor oleh Datuk Shahbandar Shahari.

Bantah adakan kerapatan adat

19/3/88

Oleh

BUSTAMAM AHMAD

pada 21 November 1985.

"Kami juga sudah menyembahkan memorandum mengenai 'pemecatan' itu kepada Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan berserta dengan 13 sebab kenapa beliau patut dipecat.

Aturan

"Ini bermakna kedudukan Datuk Shahbandar Shahari di segi aturan adat masih dipertikaikan oleh sebilangan besar anak Waris di Air daripada empat Perut iaitu Perut Neneh Sulong, Tok Susu Dara, Tok Susu Ganda dan Tok Susu Tunggal," katanya kepada Berita Harian, di sini.

Beliau berkata, seseorang penyandang pesaka tidak boleh menyertai sebarang urusan pentadbiran adat apabila kedudukannya dipertikaikan oleh anak-anak Warisnya sendiri berdasarkan kepada aturan adat dan

pesaka Luak Sungai Ujong.

Berita Harian difahamkan, Datuk Shahbandar Shahari akan mempergerusikan satu kerapatan adat yang dihadiri oleh ketua-ke-tua adat Luak Sungai Ujong daripada Cerak di Darat dan di Air di Balai Datuk Shahbandar Kampung Belangkan dekat sini esok.

Kerapatan itu dipercayai bertujuan membincangkan soal campurtangan Datuk Muda Linggi Abu Zarim Haji Mulop dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra ke-10 baru-baru ini.

Datuk Abu Zarim dipecat oleh anak-anak Waris Datuk Muda Linggi dalam satu kerapatan adat di Rantau, kira-kira 22 km dari sini Rabu lalu.

Difahamkan juga antara 13 sebab kenapa Datuk Shahbandar Shahari 'dipecat' daripada jawatannya ialah kerana beliau dikatakan sudah tidak mendapat kepercayaan penuh daripada sebilangan besar anak Waris di Air daripada empat Perut.

SEREMBAN, Jumaat — Sekumpulan anak Waris di Air daripada empat Perut hari ini membantah cadangan Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan untuk mengadakan satu kerapatan adat esok bagi membincangkan soal campurtangan Datuk Muda Linggi dan Datuk Tiga Persukuan dalam urusan pemilihan Undang ke-10.

Jurucakap yang mendakwa mewakili sebilangan besar anak Waris di Air daripada empat Perut berkenaan berkata Datuk Shahbandar Shahari tidak boleh mempengaruhi kerapatan itu kerana kedudukannya di segi adat sehingga dipertikaikan oleh anak-anak Warisnya sendiri.

"Malah kami sudah pun mencapai kata sepakat untuk 'memecat' Datuk Shahbandar Shahari daripada jawatan adat yang disandangnya dalam satu kerapatan yang dihadiri oleh anak-anak Waris di Air daripada empat Perut